



SIARAN MEDIA

LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM (LPTA)

15 OGOS 2019

PEMINDAHAN PROSES “CRACKING AND LEACHING” KE LUAR NEGARA DAN PEMBINAAN PDF ANTARA SYARAT LESEN OPERASI LYNAS

PUTRAJAYA, 15 OGOS 2019: Susulan daripada kenyataan awam yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri dan keputusan Jemaah Menteri, Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA) telah membaharui lesen operasi Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) selama ENAM bulan.

Antara syarat-syarat yang telah ditetapkan adalah:

- (i) Lynas hendaklah mengemukakan perancangan bagi pembinaan kemudahan (facility) “*Cracking and Leaching*” di luar negara bagi tujuan **memindahkan proses tersebut** yang kini dijalankan di lojinya di Gebeng Kuantan, **keluar dari Malaysia**. Kemudahan *Cracking and Leaching* di luar negara hendaklah dibina dan mula beroperasi **dalam tempoh 4 tahun** dari tarikh sah lesen. Selepas kemudahan “*Cracking and Leaching*” mula beroperasi di luar negara, pemegang lesen **tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu radioaktif** yang melebihi 1 *Becquerel* per gram di lojinya di Gebeng, Kuantan.

- (ii) Lynas hendaklah:
- (a) mengenalpasti tapak spesifik untuk pembinaan **Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility, PDF*)** dan hendaklah mengemukakan **kebenaran secara bertulis daripada Kerajaan Negeri** bagi penggunaan tapak tersebut sebagai PDF. Pemegang lesen juga hendaklah mengemukakan pelan perancangan pembinaan PDF yang lengkap serta pelan pembiayaan yang mencukupi bagi menampung keseluruhan pembinaan dan operasi PDF; atau
 - b) mengemukakan kebenaran rasmi secara bertulis daripada pihak berkuasa mana-mana negara untuk membawa keluar residu *Water Leach Purification* (WLP) ke negara tersebut;
- (iii) Lynas hendaklah **menamatkan semua aktiviti penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development, R&D*) berkaitan penggunaan semula residu radioaktif WLP sebagai *Condisoil* dalam bidang pertanian** dan hendaklah mengemukakan 0.5 peratus (%) daripada jualan kasar setiap tahun yang ditetapkan untuk usaha R&D sebelum ini kepada Kerajaan Malaysia sebagai cagaran tambahan sehingga kemudahan "*Cracking and Leaching*" di luar negara mula beroperasi.

Syarat-syarat ini diputuskan setelah Kerajaan Persekutuan Australia dan Kerajaan Negeri Western Australia memaklumkan kepada Malaysia bahawa pihaknya tidak akan menerima penghantaran balik residu radioaktif WLP Lynas.

Syarat-syarat di atas diputuskan ini juga adalah berdasarkan syor yang dibuat oleh Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advanced Materials Plant dalam laporannya pada November 2018.

Pembinaan PDF perlu disegerakan untuk meminimalkan risiko timbunan residu radioaktif WLP yang kini terkumpul melebihi 580,000 tan di kemudahan penstoran sementara (*residue storage facility*, RSF) yang terdedah kepada ancaman bencana alam seperti banjir besar.

LPTA akan memantau rapi serta memastikan pembinaan dan pengendalian PDF mengikut piawaian antarabangsa.

- **TAMAT** -

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Tn. Hj. Zul Helmi bin Ghazali
Ketua Unit
Unit Komunikasi Korporat
Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA)
No. Tel: 03-89225888

Dikeluarkan pada 15 Ogos 2019, 5.00 petang